

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN VIII - PELBAGAI
Penjagaan ke atas Orang Dan Harta**

Seksyen 109. Pengiktirafan perkahwinan orang Islam yang dilakukan di luar Negeri Melaka.

Sesuatu perkahwinan orang Islam yang dilakukan di luar Negeri Melaka, selain perkahwinan yang diakadnikahkan di sesuatu Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi, atau Pejabat Konsul Malaysia di bawah seksyen 24, hendaklah diiktiraf sebagai sah bagi segala maksud Enakmen ini jika-

- (a) perkahwinan itu telah dilakukan mengikut cara yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang tempat di mana perkahwinan itu telah dilakukan;
 - (b) tiap-tiap satu pihak itu mempunyai, pada masa perkahwinannya itu, keupayaan berkahwin di bawah undang-undang tempat dia bermastautin; dan
 - (c) jika salah satu pihak itu ialah seorang pemastautin di Negeri Melaka, kedua-dua pihak itu mempunyai keupayaan berkahwin mengikut Enakmen ini.
-